

**Lebih Banyak Negara Akan Sertai Program Permata Negara
Bernama
12 Disember, 2011**

BANGI, 12 Dis (Bernama) -- Lebih banyak negara dijangka menghantar pelajar mereka menyertai Program Permata Pintar (PPP) pada masa akan datang, kata pengarah Pusat Permata Pintar Negara Prof Madya Dr. Noriah Mohd Ishak.

Beliau berkata kini terdapat empat negara luar - Singapura, Brunei, Oman dan India - yang menghantar pelajar mereka menyertai PPP.

"Wakil dari negara Arab Saudi, Turki, Kazakhstan telah datang pada program yang berlangsung pada kali ini, mereka ingin lihat bagaimana ia dilaksanakan dan insyallah mereka akan menghantar pelajar mereka ke sini pada tahun depan," kata Noriah.

Beliau bercakap kepada pemberita ketika Majlis Talentime dan Penyampaian Sijil Sempena Program Perkhemahan Cuti Sekolah Permata Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini.

Noriah berkata program perkhemahan kali ini disertai lebih 450 pelajar yang berusia sembilan hingga 15 tahun yang turut melibatkan pelajar dari Brunei dan Oman.

Sehingga kini, lebih daripada 1500 pelajar telah mengikuti PPP.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633713>